

PRU Million Med Active 2.0



Kuasai *hidupmu*

**Kurangkan tuntutan,
minimumkan bayaran.**



PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

► Temui kuasa untuk mengurangkan bayaran tanpa menjejaskan perlindungan anda

Kawal kos insurans anda sambil menikmati perlindungan perubatan yang menyeluruh.

Memperkenalkan **PRUMillion Med Active 2.0**, pelan perubatan yang direka untuk memberi ganjaran kepada gaya hidup sihat anda melalui diskaun, sambil menawarkan perlindungan yang luas untuk perbelanjaan perubatan anda. Daripada rawatan pesakit dalam dan rawatan pesakit luar kepada perkhidmatan-perkhidmatan sebelum masuk dan selepas keluar hospital seperti konsultasi dan fisioterapi, kami sedia melindungi anda.

Dengan **Active Pricing**, polisi anda bermula dengan diskaun serta-merta sehingga 15% ke atas caj insurans perubatan. Kekalkan gaya hidup yang sihat dan bebas daripada tuntutan untuk terus menikmati diskaun pendahuluan ini setiap tahun.

Anda kini boleh menikmati penjimatan atas caj insurans perubatan dengan mengamalkan gaya hidup sihat, sambil melindungi diri anda dengan perlindungan yang tinggi daripada kos rawatan perubatan yang semakin meningkat.

Kuasai hidupmu dengan **PRUMillion Med Active 2.0**.



Diskaun serta-merta sehingga **15%** ke atas caj insurans perubatan



Had Tahunan Menyeluruh yang tinggi tanpa **Had Seumur Hidup**



Nikmati **Manfaat Tanpa Tuntutan** sehingga RM1,000 setahun untuk pemeriksaan kesihatan, ujian diagnostik, dan lain-lain dengan **Active Booster**




Perlindungan menyeluruh kanser dengan ujian genomik, rawatan dan **penjagaan susulan semasa kanser remisyen**

Kuasai hidupmu dengan *Active Pricing*


Sam, berumur 34 tahun, membeli plan perubatan **PRUMillion Med Active 2.0**. Dengan **Active Pricing**, Sam membayar premium yang lebih rendah apabila dia kurang membuat tuntutan.

Sam akan menikmati **diskaun serta-merta sehingga 15%** ke atas caj insurans perubatan dan hanya membayar premium bulanan sebanyak **RM227** sepanjang tempoh polisi sekiranya tiada tuntutan dibuat dan diluluskan.

Sekiranya Sam membuat tuntutan kurang daripada RM5,000



Sekiranya Sam membuat tuntutan sebanyak RM5,000 atau lebih



Premium di atas berdasarkan lelaki bukan perokok, kelas pekerjaan 1, Jumlah Diinsuranskan Asas RM10,000 **PRU**With You Plus, Opsyen Sasaran Kemampuan umur 80, 100% dana ekuiti, **PRUMillion Med Active 2.0** Pelan 200 dengan deduktibel sebanyak RM500. Amaun tuntutan yang dilakukan dan diluluskan adalah selepas menolak deduktibel. Senario ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Rajah yang ditunjukkan tidak dilukis mengikut skala dan bertujuan untuk tujuan ilustrasi sahaja.

► Tingkatkan perlindungan anda dengan *Active Booster*

Nikmati manfaat tambahan yang sesuai dengan keperluan anda.



Bilangan hari tanpa had untuk Bilik & Penginapan (R&B) / Unit Rawatan Rapi (ICU)

R&B / ICU (hari) ~~150 hari~~ **Tanpa had**



Peningkatan serta-merta atas Had Tahunan anda

Opsyen Koinsurans

Had Tahunan: **Tanpa had**

Opsyen Deduktibel

Had Tahunan: **+ RM10 juta**



Perlindungan Komplikasi Kehamilan

Tambahan perlindungan untuk 13 komplikasi kehamilan semasa dan selepas kelahiran anak



Lanjutan tempoh untuk Rawatan Selepas Keluar Hospital

Untuk keadaan serius: dalam tempoh ~~180 hari~~ **365 hari**



Dan perlindungan tambahan yang lebih banyak

- Perlindungan Dua Kali Ganda untuk Penjagaan oleh Jururawat Di Rumah
- Manfaat Tanpa Tuntutan sehingga RM1,000 Setiap Tahun
- Rawatan Pemulihan Pesakit Luar yang dilanjutkan (Fisioterapi & Rawatan Alternatif) sehingga 365 hari selepas keluar dari hospital untuk keadaan serius

Tertakluk kepada terma & syarat.



► Nikmati lebih banyak manfaat dengan PRUPanel Plus

Selamat datang ke rangkaian hospital dan pusat pakar yang dipilih khas untuk pemegang polisi perubatan kami.

Dengan **PRUPanel Plus**, anda akan menikmati keistimewaan seperti pengecualian yuran pentadbiran dan deposit, serta kadar eksklusif dan baucar apabila menebus Manfaat Tanpa Tuntutan untuk pemegang polisi PAMB Medical Booster.



Akses kepada hampir 100 hospital dan pusat rawatan pakar terunggul di seluruh negara

Dipilih dengan teliti untuk memberikan anda nilai dan penjagaan yang lebih baik.



Perkhidmatan kemasukan hospital yang lancar

Nikmati kelebihan pengecualian yuran pentadbiran dan deposit, lorong ekspres, pelepasan cepat dan banyak lagi.



Kadar dan manfaat eksklusif dengan Manfaat Tanpa Tuntutan

Tebus Manfaat Tanpa Tuntutan sehingga RM1,000 setiap tahun di Marketplace kami untuk pakej penjagaan kesihatan dengan diskaun dan tambahan istimewa.

► Penjagaan yang lebih baik pada masa keperluan anda dengan Value-Added Services (VAS) kami

Tingkatkan lagi pengalaman penjagaan kesihatan anda dengan rangkaian VAS kami yang direka untuk kemudahan dan ketenangan minda, sama ada anda melancong di dalam negara atau ke luar negara.

VAS kami menawarkan bantuan 24/7, termasuk tetapi tidak terhad kepada:



Nasihat perubatan dan rujukan



Pemindahan dan repatriasi perubatan kecemasan



Maklumat kesihatan dan COVID-19



Sokongan Perjalanan & Perkhidmatan Lain

Untuk senarai lengkap perkhidmatan yang disediakan oleh PAMB, sila lawati laman web kami di www.prudential.com.my.

► Terokai pelan-pelan perubatan alternatif yang lain

Selain itu, kami mempunyai **PRUMillion Med 2.0** dan **PRUValue Med** dengan ciri-ciri dan manfaat-manfaat yang diringkaskan seperti di bawah.

Manfaat - Manfaat	PRUMillion Med Active 2.0 Kuasai Hidupmu. Kurangkan tuntutan, minimumkan bayaran.	PRUMillion Med 2.0 Nikmati Ketenangan Minda. Perlindungan tahunan tinggi tanpa had seumur hidup.	PRUValue Med Dapatkan perlindungan berterusan sepanjang tahun.
Active Pricing	✓	—	—
Had Tahunan	RM2 juta – RM8 juta	RM2 juta – RM8 juta	Aras Nilai Perubatan RM1 juta – RM2 juta
	Dengan Booster + RM10 juta (dengan opsyen Deduktibel) Tanpa had (dengan opsyen Koinsurans)	Dengan Booster + RM10 juta	dengan Booster + RM100,000 atau RM150,000 setiap tahun Apabila jumlah tuntutan yang telah dibayar melebihi had seumur hidup istimewa (juga dikenali sebagai Aras Nilai Perubatan) yang dipilih, kami akan membayar 80% daripada lebihan kos yang layak.
Had Seumur Hidup	Had Limit akan diperbaharui setiap tahun	Had Limit akan diperbaharui setiap tahun	
Manfaat Tanpa Tuntutan	Dengan Booster ✓	Dengan Booster ✓	Dengan Booster ✓

▶ PRUMillion Med Active 2.0 dengan Active Booster / PRUMillion Med 2.0 dengan PRUMillion Med Booster 2.0

Manfaat-manfaat	PRUMillion Med Active 2.0 / PRUMillion Med 2.0			PRUMillion Med Active 2.0 dengan Active Booster / PRUMillion Med 2.0 dengan PRUMillion Med Booster 2.0		
	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)
Manfaat Bilik & Penginapan						
Bilik & Penginapan Hospital Harian (R&B)	200	300	400	200	300	400
	Setiap hari (RM)					
	Sehingga 150 hari setiap tahun			TIADA BILANGAN HARI MAKSIMUM setiap tahun		
Manfaat Hospital & Pembedahan						
Unit Rawatan Rapi Unit Rawatan Jantung	Seperti Yang Dikenakan ¹ (Sehingga 150 hari setiap tahun)			Seperti Yang Dikenakan ¹ (TIADA BILANGAN HARI MAKSIMUM setiap tahun)		
Perkhidmatan Dalam Hospital & Yang Berkaitan • Bayaran Pembedahan • Bekalan dan Khidmat Hospital • Bayaran Bilik Pembedahan • Bayaran Pakar Bius • Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Had kepada maksimum 2 lawatan sehari)	Seperti Yang Dikenakan ¹			Seperti Yang Dikenakan ¹		
Pemindahan Organ / Sumsum Tulang	Seperti Yang Dikenakan ¹ (Sekali seumur hidup)			Seperti Yang Dikenakan ¹ (TIADA HAD seumur hidup)		
Manfaat Rawatan Pesakit Luar						
Rawatan Sebelum Masuk Hospital	Seperti Yang Dikenakan ¹ (Dalam tempoh 90 hari sebelum masuk hospital)			Seperti Yang Dikenakan ¹ (Dalam tempoh 90 hari sebelum masuk hospital)		
Rawatan Selepas Keluar Hospital • Keadaan bukan Serius	Seperti Yang Dikenakan ¹ (Dalam tempoh 180 hari selepas keluar hospital)			Seperti Yang Dikenakan ¹ (Dalam tempoh 180 hari selepas keluar hospital)		
• Keadaan Serius				Seperti Yang Dikenakan ¹ (Dalam tempoh 365 hari selepas keluar hospital)		

Manfaat-manfaat	PRUMillion Med Active 2.0 / PRUMillion Med 2.0			PRUMillion Med Active 2.0 dengan Active Booster / PRUMillion Med 2.0 dengan PRUMillion Med Booster 2.0		
	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)
Pembedahan Harian / Prosedur Jagaan Harian	Seperti Yang Dikenakan ¹			Seperti Yang Dikenakan ¹		
Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti Yang Dikenakan ¹ (Termasuk ubat bawa pulang, ujian peperiksaan & konsultasi)			Seperti Yang Dikenakan ¹ (Termasuk ubat bawa pulang, ujian peperiksaan & konsultasi)		
Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar						
Rawatan Pemulihan Pesakit Luar • Fisioterapi • Rawatan Alternatif ²	Had digabungkan tertakluk kepada RM6,000 / RM10,000 / RM12,000 setahun, dalam masa 180 hari selepas keluar hospital • Fisioterapi: Seperti caj yang dikenakan • Rawatan alternatif: Sehingga RM1,500 setahun			Keadaan bukan Serius: Had digabungkan tertakluk kepada RM6,000 / RM10,000 / RM12,000 setahun, dalam masa 180 hari selepas keluar hospital • Fisioterapi: Seperti caj yang dikenakan • Rawatan alternatif: Sehingga RM1,500 setahun		
				Keadaan Serius: Seperti Yang Dikenakan¹ , dalam masa 365 hari selepas keluar hospital • Fisioterapi: Seperti caj yang dikenakan • Rawatan alternatif: Sehingga RM1,500 setahun		
Penjagaan oleh Jururawat Di Rumah (200 hari seumur hidup)	Sehingga 20 kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap penginapan			Sehingga 40 kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap penginapan		
Rawatan Pesakit Luar • Bronkitis • Demam Denggi • Influenza • Pneumonia	Sehingga 10 kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap diagnosis			Sehingga 10 kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap diagnosis		
Manfaat Lain						
Kanta Intraokular	Sehingga RM8,000 seumur hidup, termasuk kanta multifokal			Sehingga RM8,000 seumur hidup, termasuk kanta multifokal		
Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan	Seperti Yang Dikenakan ¹			Seperti Yang Dikenakan ¹		
Manfaat Komplikasi Kehamilan	Tidak Berkenaan			Seperti Yang Dikenakan ¹		

Manfaat-manfaat	PRUMillion Med Active 2.0 / PRUMillion Med 2.0			PRUMillion Med Active 2.0 dengan Active Booster / PRUMillion Med 2.0 dengan PRUMillion Med Booster 2.0		
	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)
Koinsurans ³ / Deduktibel ⁴	• Koinsurans (PRUMillion Med Active 2.0 sahaja): 10%, minimum RM500 dan maksimum RM20,000 • Deduktibel: RM500 / RM1,000 / RM5,000 / RM10,000 setahun					
Had Tahunan Menyeluruh	RM2 juta	RM5 juta	RM8 juta	Tiada Had Tahunan jika opsyen Koinsurans dipilih (PRUMillion Med Active 2.0 sahaja)		
				RM12 juta	RM15 juta	RM18 juta
				jika opsyen Deduktibel dipilih		
Had Seumur Hidup	Tidak Berkenaan			Tidak Berkenaan		
Manfaat Tanpa Tuntutan ⁵ – Penjagaan Pencegahan	Tidak Berkenaan			RM500 setiap tahun	RM1,000 setiap tahun	
Bantuan Perubatan Kecemasan ⁶	Ya			Ya		
Pendapat Pakar Perubatan ^{6,7}	Ya			Ya		

¹ Kami hanya akan membayar balik caj Munasabah dan Biasa Diamalkan ke atas perbelanjaan yang layak yang dianggap Perlu Dari Segi Perubatan.

² Rawatan Alternatif hanya sah untuk Pelan R&B 300 dan ke atas, dan termasuk Akupunktur, Bonesetting, Kiropraktik, Rawatan Herba, Perubatan Tradisional Cina, Terapi Moksibusi, Akupresur, Homeopati dan Osteopati.

³ Kecuali tuntutan di bawah Manfaat Tanpa Tuntutan, Manfaat Bilik & Penginapan Harian, Rawatan Kecemasan untuk Manfaat Kecederaan Akibat Kemalangan, Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar, Manfaat Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar atau Rawatan yang diminta di Fasiliti Penjagaan Kesihatan Kerajaan, pemegang polisi mesti terlebih dahulu membayar jumlah tetap bersamaan dengan 10% daripada jumlah Caj Munasabah dan Biasa bagi manfaat layak, tertakluk kepada minimum RM500 dan maksimum RM20,000.

⁴ Kecuali tuntutan di bawah Manfaat Tanpa Tuntutan, Rawatan Kecemasan untuk Manfaat Kecederaan Akibat Kemalangan, Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar, Manfaat Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar atau Rawatan yang diminta di Fasiliti Penjagaan Kesihatan Kerajaan, pemegang polisi mesti terlebih dahulu membayar jumlah tetap bersamaan dengan Deduktibel yang dipilih daripada jumlah Caj Munasabah dan Biasa bagi manfaat layak terkumpul dalam tahun lampiran.

⁵ Jika tiada tuntutan dibuat pada tahun lampiran sebelumnya.

⁶ Bantuan Perubatan Kecemasan dan Pendapat Pakar Perubatan adalah perkhidmatan yang disediakan oleh pihak ketiga yang tidak terdapat dalam kontrak dan tidak membentuk sebahagian daripada polisi. Kami berhak untuk membatalkan perkhidmatan ini dengan memberi notis bertulis 90 hari.

⁷ Pendapat Perubatan Pakar ialah perkhidmatan nilai tambah yang memberikan pendapat perubatan kedua daripada pakar perubatan dalam pelbagai bidang pengkhususan. Perkhidmatan ini adalah untuk membantu anda mengetahui lebih lanjut tentang keadaan perubatan anda dan membuat keputusan termaklum mengenai pelan rawatan.

PRUValue Med dengan PRUValue Med Booster

Manfaat-manfaat	PRUValue Med						PRUValue Med dengan PRUValue Med Booster					
	Pelan 150 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 500 (RM)	Pelan 600 (RM)	Pelan 150 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 500 (RM)	Pelan 600 (RM)
Manfaat Bilik & Penginapan												
Bilik & Penginapan Hospital Harian	150	200	300	400	500	600	150	200	300	400	500	600
	Setiap hari (RM)											
	Sehingga 150 hari setiap tahun						TIADA BILANGAN HARI MAKSIMUM setiap tahun					
Manfaat Hospital & Pembedahan												
Unit Rawatan Rapi / Unit Rawatan Jantung	Seperti Yang Dikenakan ¹ (Sehingga 90 hari setiap tahun)						Seperti Yang Dikenakan ¹ (TIADA BILANGAN HARI MAKSIMUM setiap tahun)					
Perkhidmatan Dalam Hospital & Yang Berkaitan • Bayaran Pembedahan • Bekalan dan Khidmat Hospital • Bayaran Bilik Pembedahan • Bayaran Pakar Bius • Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Had kepada maksimum 2 lawatan sehari)	Seperti Yang Dikenakan ¹						Seperti Yang Dikenakan ¹					
Manfaat Rawatan Pesakit Luar												
Rawatan Sebelum Masuk Hospital	Seperti Yang Dikenakan ¹ (Dalam tempoh 60 hari sebelum masuk hospital)						Seperti Yang Dikenakan ¹ (Dalam tempoh 90 hari sebelum masuk hospital)					
Rawatan Selepas Keluar Hospital • Keadaan bukan Serius	Seperti Yang Dikenakan ¹ (Dalam tempoh 90 hari selepas keluar hospital)						Seperti Yang Dikenakan ¹ (Dalam tempoh 90 hari selepas masuk hospital)					
• Keadaan Serius							Seperti Yang Dikenakan ¹ (Dalam tempoh 365 hari selepas keluar hospital)					
Penjagaan oleh Jururawat Di Rumah (180 hari seumur hidup)	Seperti Yang Dikenakan ¹						Seperti Yang Dikenakan ¹					
Pembedahan Harian												
Prosedur Jagaan Harian												
Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti Yang Dikenakan ¹ Digabungkan sehingga 1.5 kali daripada Aras Nilai Perubatan awal setiap seumur hidup (Termasuk ubat bawa pulang, ujian peperiksaan & konsultasi)						Seperti Yang Dikenakan ¹ TIADA HAD seumur hidup (Termasuk ubat bawa pulang, ujian peperiksaan & konsultasi)					
Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar												
Manfaat Lain												
Manfaat Komplikasi Kehamilan	Sehingga RM5,000 setiap tahun						Seperti Yang Dikenakan ¹ (TIADA HAD setiap tahun)					
Kanta Intraokular	Sehingga RM6,000 seumur hidup						Sehingga RM6,000 seumur hidup					

Manfaat-manfaat	PRUValue Med						PRUValue Med dengan PRUValue Med Booster					
	Pelan 150 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 500 (RM)	Pelan 600 (RM)	Pelan 150 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 500 (RM)	Pelan 600 (RM)
Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan	Sehingga 10 kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap tahun						Sehingga 10 kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap tahun					
Med Saver atau Deduktibel ²	Ya atau Tidak. Jika Ya, pilihan Fleksibel: Med Saver: RM300 / RM1,000 / RM3,000 / RM5,000 / RM10,000; atau Deduktibel: RM20,000 / RM50,000 / RM75,000 / RM100,000											
Aras Nilai Perubatan ³	Pilihan Fleksibel: • RM1 juta • RM1.5 juta • RM2 juta						Pilihan Fleksibel: • RM1.1 juta • RM1.6 juta • RM2.1 juta	Pilihan Fleksibel: • RM1.15 juta • RM1.65 juta • RM2.15 juta				
							Kenaikan RM100,000 setiap tahun	Kenaikan RM150,000 setiap tahun				
Bonus Aras Nilai Perubatan ⁴	Tidak Berkenaan		Aras Nilai Perubatan akan meningkat pada kadar 2% daripada Aras Nilai Perubatan awal pada akhir setiap 2 tahun polisi dengan syarat tiada tuntutan terjadi dalam 2 tahun polisi				Tidak Berkenaan		Aras Nilai Perubatan akan meningkat pada kadar 2% daripada Aras Nilai Perubatan awal pada akhir setiap 2 tahun polisi dengan syarat tiada tuntutan terjadi dalam 2 tahun polisi			
Manfaat Tanpa Tuntutan ⁵ – Penjagaan Pencegahan	Tidak Berkenaan						RM500 setiap tahun		RM1,000 setiap tahun			
Bantuan Perubatan Kecemasan ⁶	Ya						Ya					
Pendapat Pakar Perubatan ^{6,7}	Ya						Ya					

¹ Kami hanya akan membayar balik caj Munasabah dan Biasa Diamalkan ke atas perbelanjaan yang layak yang dianggap Perlu Dari Segi Perubatan.

² Dengan pengecualian kepada tuntutan di bawah Manfaat Tanpa Tuntutan:

- Jika Med Saver dipilih, pemegang polisi perlu membayar jumlah tetap yang bersamaan dengan nilai Med Saver yang dipilih daripada jumlah caj Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk manfaat berkelayakkan, kecuali kos Bilik & Penginapan Hospital Harian dan Kanta Intraokular untuk sebarang satu hilang upaya.
- Jika Deduktibel dipilih, pemegang polisi perlu membayar jumlah tetap yang bersamaan dengan nilai Deduktibel yang dipilih daripada jumlah Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk manfaat berkelayakkan untuk tahun lampiran.
- Jika Med Saver dan Deduktibel tidak dipilih, bayaran tetap tidak dikenakan.

³ Tuntutan bagi manfaat berkelayakkan akan dibayar sepenuhnya (tertakluk kepada Med Saver atau Deduktibel, jika berkenaan) sehingga Jumlah Aras Nilai Perubatan. Jika jumlah manfaat yang kami bayar kepada anda telah melebihi Jumlah Aras Nilai Perubatan, kami akan membayar 80% daripada jumlah kos manfaat berkelayakkan yang berlebihan. Jumlah Aras Nilai Perubatan adalah bersamaan dengan jumlah Aras Nilai Perubatan asal, sebarang Bonus Aras Nilai Perubatan terkumpul dan Aras Nilai Perubatan tambahan (daripada PRUValue Med Booster).

⁴ Jika jumlah tuntutan yang dibayar melebihi Jumlah Aras Nilai Perubatan, tiada Bonus Aras Nilai Perubatan lanjut akan diberikan walaupun tiada tuntutan lanjut.

⁵ Jika tiada tuntutan dibuat pada tahun sebelumnya.

⁶ Bantuan Perubatan Kecemasan dan Pendapat Pakar Perubatan adalah perkhidmatan yang disediakan oleh pihak ketiga yang tidak terdapat dalam kontrak dan tidak membentuk sebahagian daripada polisi. Kami berhak untuk membatalkan perkhidmatan ini dengan memberi notis bertulis 90 hari.

⁷ Pendapat Perubatan Pakar ialah perkhidmatan nilai tambah yang memberikan pendapat perubatan kedua daripada pakar perubatan dalam pelbagai bidang pengkhususan. Perkhidmatan ini adalah untuk membantu anda mengetahui lebih lanjut tentang keadaan perubatan anda dan membuat keputusan termaklum mengenai pelan rawatan.



Untuk maklumat lanjut, layari laman web kami di **www.prudential.com.my** atau hubungi salah seorang **Perancang Kekayaan Prudential** kami yang mesra. Kami sentiasa sedia membantu.

Nota Penting dan Penafian

- **PRUMillion Med Active 2.0**, **Active Booster**, **PRUMillion Med 2.0**, **PRUMillion Med Booster 2.0**, **PRUValue Med** dan **PRUValue Med Booster** adalah rider opsyenal yang boleh dilampirkan bersama pelan asas, **PRUWith You Plus**. Rider-rider ini diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("PAMB") 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Pembelian polisi hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kekayaan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Kos insurans yang dicaj untuk rider Insurans Perubatan dan Kesihatan ditunjukkan di laman web Prudential.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk **PRUWith You Plus**, Ilustrasi Produk dan Lembaran-(lembaran) Fakta Dana sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi ini.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda nilai unit (pada harga unit tarikh penilaian berikutnya selepas tarikh pemberitahuan) tambah dengan premium yang tidak diperuntukkan, caj (sebarang caj insurans, caj perkhidmatan, caj pemprosesan dan caj-caj lain, mana yang berkenaan) dan cukai (jika ada) yang telah kami tolak dan juga akan menolak perbelanjaan perubatan yang kami mungkin telah bayar atau bersetuju untuk bayar.
- **PRUWith You Plus** didatangkan dengan Perlanjutan Tempoh Perlindungan untuk melanjutkan tempoh pelan asas sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun. Bagi rider(-rider), jika berkenaan, tempoh rider akan dilanjutkan sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun atau tempoh perlindungan maksimum bagi rider, mana-mana yang lebih awal. Melainkan anda memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan, polisi anda akan dilanjutkan secara automatik selagi ia mempunyai nilai unit-unit yang mencukupi untuk menolak bayaran caj-caj, yuran-yuran dan cukai-cukai yang berkaitan semasa tempoh yang dilanjutkan. Untuk memastikan nilai unit-unit yang mencukupi, premium tambahan mungkin diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan. Semasa tempoh perlindungan yang dilanjutkan, perlindungan daripada pelan asas dan rider(-rider) (jika berkenaan) akan tetap sama.
- Anda boleh memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan selepas polisi anda dikeluarkan, ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh polisi asal. Sebarang permintaan berikutnya untuk memohon semula Perlanjutan Tempoh Perlindungan adalah tertakluk kepada pengunderaitan.

- Andaikan seorang lelaki, berumur 34 tahun, bukan perokok, kelas pekerjaan 1 membeli polisi **PRU**With You Plus dengan Jumlah Diinsuranskan Asas RM10,000, **PRU**Million Med Active 2.0 R&B RM200 dengan Deduktibel RM500, tempoh polisi sehingga umur 80 tahun pada hari jadi yang akan datang (ANB) dengan lanjutan automatik, 100% dana ekuiti, dengan pembayaran premium bulanan melalui kad kredit, anggaran jumlah premium yang harus dibayar apabila tiada tuntutan dibuat dan diluluskan:

Jumlah premium yang harus dibayar berdasarkan tempoh perlindungan sehingga ANB 80	Untuk meningkatkan kemampanan polisi anda sehingga Umur 100 tahun	
	Alternatif 1	Alternatif 2
RM227.00 bulanan daripada umur 34 sehingga umur 78	Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan. Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM62.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 34 sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan. <u>Jumlah premium yang harus dibayar:</u> RM289.00 bulanan daripada umur 34 sehingga umur 99.	Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan. Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM1,553.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 79 tahun sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan. <u>Jumlah premium yang harus dibayar:</u> - RM227.00 bulanan daripada umur 34 sehingga umur 78. - RM1,780.00 bulanan daripada umur 79 sehingga umur 99.

Nota-nota:

- Premium adalah tidak terjamin dan mungkin berubah pada masa akan datang bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar, pembayaran premium, manfaat-manfaat polisi dan caj-caj (termasuk sebarang semakan semula caj insurans). Anda boleh merujuk kepada penyata tahunan untuk amaun Tokokan Premium Berkala yang dicadangkan, yang dikemas kini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampanan polisi sehingga tempoh yang dilanjutkan (berdasarkan Alternatif 1 di atas), dan boleh mempertimbangkan untuk membuat tokokan premium anda dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampanan polisi anda. Kami akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Perlanjutan Tempoh Perlindungan jika terdapat sebarang premium tambahan yang diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan.
- Jika polisi anda dilampirkan dengan rider payor, anda mungkin perlu meningkatkan jumlah diinsuranskan untuk rider payor disebabkan peningkatan premium (tidak termasuk sebarang tambahan premium sementara) untuk menampung tempoh yang dilanjutkan (tertakluk kepada pengunderaitan) atau sebarang semakan semula caj insurans. Jika polisi anda di bawah status tuntutan payor dan peningkatan premium diperlukan, anda mungkin perlu membayar amaun premium tambahan yang tidak dilindungi oleh syarikat untuk meningkatkan kemampanan polisi anda.
- Umur yang dinyatakan dalam jadual di atas merujuk kepada umur Hayat Yang Diinsuranskan pada Ulang Tahun Polisi.
- Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk maklumat selanjutnya.
- PRU**With You Plus dan rider-ridernya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.
- Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan umur dicapai kecuali dinyatakan.
- Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan digunapakai.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.